

Pendidikan prasekolah perlu inovasi kembangkan bakat

UB 1.11.2019 2

KOTA KINABALU: Pendidikan prasekolah perlu inovasi bagi mengembangkan bakat kanak-kanak awal usia dengan lebih cepat dan berkualiti.

Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah Datuk Dr. Yusof Yacob berkata walaupun ibu bapa merupakan guru pertama, tetapi dari segi pendidikan formal, sekolah perlu peka dengan keperluan semasa dan memberi pendedahan awal berkaitan ledakan teknologi digital.

“Guru-guru perlu sentiasa kreatif mencari penyelesaian sesuatu permasalahan kerana usaha ini akan memberi pulangan lumayan kepada negara bagi menghadapi masa depan yang penuh cabaran.

“Kanak-kanak ibarat kain putih bersih yang memerlukan guru mencoraknya dengan ilmu-ilmu bermanfaat

melalui pengisian berbentuk permainan dan didik hibur khususnya pada peringkat umur 5 hingga 6 tahun.

“Mereka memerlukan penyuburan minat terhadap pendidikan sebagaimana aktiviti yang disusunatur dalam karnival kali ini, menepati hasrat menjadi tempat terbaik mencungkil bakat-bakat muda untuk digilap menjadi permata berkualiti negara.

“Melentur buluh biar dari rebungnya kerana pada peringkat ini mereka masih mudah dibentuk kerana jika

kita ingin melihat masa hadapan negara, maka lihatlah apa yang kita usahakan pada kanak-kanak hari ini.

“Kanak-kanak yang tidak dapat dikembangkan bakatnya, akan menjadi liabiliti kepada negara,” katanya dalam teks ucapan yang disampaikan oleh Setiausaha

Politik Rapahi Idris pada Majlis Perasmian Penutupan Karnival Kebudayaan Murid Prasekolah 2019 di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Karnival itu dianjurkan oleh Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS dengan kerjasama Pusat Minda Lestari bermatlamat meningkatkan penguasaan dan kemahiran murid dalam pelbagai aspek perkembangan khususnya jasmani, emosi, rohani, intelek serta sosial.

Pada majlis itu, johan keseluruhan karnival menjadi milik Tadika Cinta Sayang dengan pungutan dua pingat emas, dua perak, dua kedudukan di tangga keempat, sementara naib johan disandang Prasekolah SK Serusup dan Tadika Khoi Ming, Kota Marudu di tempat ketiga.
— Penerangan



CENDERAMATA: Rapahi (tengah) menerima cenderamata daripada Fakulti Psikologi dan Pendidikan.